



## **BAB DUA**

## BAB DUA

### TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

#### 2.0 Pendahuluan

Kajian mengenai ayat telah lama dilakukan oleh ahli-ahli bahasa Arab terutamanya semasa berlakunya perkembangan pesat agama Islam dan semakin luas kekuasaan kerajaan Islam. Ianya dilakukan pada awalnya adalah bertujuan untuk memelihara dan melindungi keaslian dan kefasihan bahasa Arab dari dicemari oleh bahasa-bahasa asing berikutan dengan meluasnya penggunaan bahasa Arab dikalangan orang-orang bukan Arab seperti orang Parsi, Rom, Qibti dan sebagainya. Pada peringkat awal, tumpuan kajian adalah pada ilmu struktur bahasa Arab atau ilmu Nahu diikuti dengan retorik dan mu'jam.

Perbincangan mengenai ayat disentuh secara terperinci oleh ahli-ahli bahasa Arab dalam ilmu Nahu. Ini adalah kerana ilmu Nahu adalah ilmu yang menumpukan perbincangan mengenai hal ehwal perkataan dalam ayat, fungsinya dan bagaimana i'rabnya dalam ayat. Penumpuan terhadap ilmu Nahu ini berterusan sehingga saat ini sehingga menjadi satu sinonim pembelajaran Bahasa Arab dengan pembelajaran Nahu. Fenomena ini menjalar dalam sistem pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Sejak awal lagi, kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia adalah berteraskan kaedah nahu dan terjemahan.

Banyak kajian telah dilakukan terhadap bahasa Arab di Malaysia, kebanyakannya adalah berkaitan dengan nahu dan retorik. Sementara kajian-kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua masih kurang. Di

dalam bab ini pengkaji akan cuba meninjau kedudukan ayat bahasa Arab dalam kajian ahli-ahli bahasa Arab dan pengkaji-pengkaji mutakhir serta kedudukannya dalam pengajaran dan pembelajaran di Malaysia.

## 2.1 Pengertian Ayat

Ayat merupakan unit asas dan medan perbincangan bagi ilmu struktur bahasa Arab. Struktur ayat bahasa Arab bermaksud susunan perkataan yang berdasarkan sistem bahasa Arab dan susunan ini memberi makna. Pada peringkat awal ahli-ahli bahasa Arab menggunakan istilah kalam dalam kajian mereka mengenai ayat dalam bahasa Arab dan mereka juga tidak membezakan antara keduanya dari segi maksud dan tujuan kajian mereka. Hal ini berterusan sehinggalah Ibn Hisyām (wafat pada tahun 761 Hijrah), di mana beliau telah membezakan pengertian antara dua istilah tersebut. Ahli-ahli bahasa Arab telah memberikan beberapa definisi mengenai ayat, antaranya ialah:

- i) Ibn 'Āqil (698 – 769 Hijrah) dalam buku “شرحُ ابنِ عَقِيلٍ عَلَى الْفَيْئَةِ ابْنِ مَلِكٍ”

membincangkan ayat dengan menggunakan istilah kalam, menurutnya;

“Kalam (percakapan) yang ditakrifkan oleh ahli-ahli nahu ialah suatu lafaz yang dituturkan apabila disenyapkan ia memberi makna”. (Ibn 'Āqil, 1964: 14 )

- ii) Ibn Hisyām mentakrif ayat seperti berikut:

“ayat adalah susunan dari kata kerja dan pelaku seperti قَامَ زَيْدٌ (ertinya : Zaid

berdiri ) atau daripada susunan muftada' dan khabar seperti زَيْدٌ قَائِمٌ atau ayat

yang sama kedudukannya dengan salah satu dari kedua-dua jumlah tersebut seperti ضَرِبَ اللِّصُّ ( Pencuri itu telah dipukul ), أَقَامَ الرَّيْدَانِ ( Adakah dua Zaid itu telah bangun?, كَانَ زَيْدٌ قَائِمًا ( ertinya: Zaid telah berdiri) dan طَلَنْتُهُ قَائِمًا ” (ertinya: Saya sangka dia telah berdiri ) (Ibn Hisyām,1992 : 490 ).

- iii) As-Syeikh Mustāfā ghilāyīnīy dalam bukunya Jāmi’ al-Durūs al-‘Arābīyyat mendefinisikan ayat seperti berikut:

“Murakkab Isnadi (kata gabung isnādiy atau susunan secara bersandar) juga dikenali sebagai jumlah (ayat) adalah apa yang terbentuk dari musnad (penyandar) dan musnad ilayh (yang disandarkan kepadanya)”. Contohnya : الحِلْمُ

زَيْنٌ dan يُفْلِحُ الْمُجْتَهِدُ . Maka الحِلْمُ adalah musnad ilayh ia di sandarkan

kepada الزَّيْنُ dan kamu melengkapkan (khabarnya) ( الحِلْمُ ) dengannya ( الزَّيْنُ )

dan kamu juga telah menyandarkan kejayaan ( الفَلاحُ ) kepada ( الْمُجْتَهِدُ ) Maka

يُفْلِحُ adalah musnad dan الْمُجْتَهِدُ adalah musnad ilayh .

( Mustafā Ghilāyīnīy ,1978 : 1 : 13)

- iv) ‘Abbās Hasan dalam bukunya al-Nahw al-Wāfi mendefinisikan ayat seperti berikut:



“Percakapan atau ayat adalah apa yang tersusun (gabungan) dari dua perkataan atau lebih dan mempunyai makna yang bebas. Seperti ayat:

كُنْ يُهْمِلُ عَاقِلٌ وَاجِبًا ( ertinya : Orang yang berakal tidak akan mengabaikan kewajibannya) dan فَازَ طَالِبٌ نَبِيَّهُ ، أَقْبَلَ ضَيْفٌ ( Pelajar yang bijak telah berjaya) ، ( ertinya: Tetamu telah datang ).

Sesuatu percakapan atau ayat mesti mempunyai dua syarat iaitu ; susunan (antara perkataan) dan susunan itu memberi faedah yang bebas. Jika kita ucapkan ; أَقْبَلَ ( ertinya: datang) atau فَازَ (ertinya: berjaya) sahaja , ianya bukanlah ayat kerana ia tidak tersusun dari dua perkataan atau lebih. Begitu juga jika kita katakan أَقْبَلَ صَبَاحًا ( ertinya: datang waktu pagi) atau فَازَ يَوْمَ الخَمِيْسِ ( ertinya: berjaya hari khamis) atau كُنْ يُهْمِلُ الْعَاقِلُ ( ertinya: orang berakal tidak mengabaikan), ianya tidak dikira sebagai ayat kerana walaupun ianya tersusun tetapi ianya tidak memberi makna kepada orang bercakap atau mendengar. ( ‘Abbās Hasān,1975 : 16-17).

- v) Mahmūd Ḥusnī maghālīsh (1997) mendefinasikan ayat sebagai :

"الْجُمْلَةُ كَلَامٌ يَتَرَكَّبُ مِنْ كَلِمَتَيْنِ أَوْ أَكْثَرَ وَيُقَدِّمُ مَعْنَى"

( Mahmūd Ḥusni Maghālīsh, 1997 : 19 )

“Ayat adalah percakapan yang tersusun dari dua perkataan atau lebih dan ianya memberi makna.”

Daripada definasi ayat yang diberikan oleh ahli-ahli bahasa Arab dahulu dan masa kini menunjukkan satu persepakan pada :

- a) Lafaz atau percakapan yang terbentuk (tersusun) dari dua perkataan atau lebih.
- b) Susunan perkataan ini memberi makna atau faedah.

Secara mudah dapat dibuat kesimpulan dari takrif di atas bahawa dengan mengetahui dan menguasai leksikel bahasa Arab dengan betul membawa kepada sesuatu makna tertentu yang mudah difahami, maka seseorang itu berkemampuan membentuk ayat-ayat bahasa Arab dan seterusnya menguasai bahasa ini. Namun persoalannya ialah adakah leksikel tersebut telah dikuasai dan bagaimanakah untuk memperolehi kemahiran meyusun ayat yang mudah difahami?!!.

## 2.2 Pembahagian Ayat

Ayat dalam Bahasa Arab boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut beberapa sudut:

- i) Dari sudut dengan apa ayat tersebut dimulakan ia dibahagikan kepada dua : Ayat kata nama atau *jumlat ismiyya* ( جُمْلَةٌ اِسْمِيَّةٌ ) dan ayat kata kerja atau *jumlat fi'liyya* ( جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ ). Jika ayat ini dimulakan dengan kata nama maka ia dikategorikan sebagai ayat kata nama dan jika ia dimulakan dengan kata kerja maka ia dikenali ayat kata kerja. Ibnu Hisyam menambahkan lagi dengan ayat partikel Zarf ( جُمْلَةٌ ظَرْفِيَّةٌ ) iaitu jumlah yang dimulakan dengan partikel Zarf.

Sebahagian sarjana seperti Muhammad Antāki dalam bukunya al-Muḥīṭ ( الْمُحِيطُ )

dan 'Abduh al-Rājiḥīy dalam al-Tatbiq al-Nahw (التَطْبِيقُ النَّحْوِيُّ) berpendapat bahawa *jumlat zarfiyyat* adalah berasal dari *jumlat Ismīyyat*.

- ii) Dari sudut binaan ia terbahagi kepada dua iaitu *jumlat basīṭat* (الْجُمْلَةُ الْبَسِيطَةُ) atau ayat tunggal dan *jumlat murakkabat* (الْجُمْلَةُ الْمُرَكَّبَةُ) ayat majmuk. Menurut Mahmūd ḥusni maghālīsh *jumlat bashīṭat* ialah ayat yang mengandungi satu perkara atau satu cerita dan *jumlat murakkabat* ialah ayat yang terdapat padanya lebih dari satu ayat atau lebih dari satu isi atau idea.

(Penulis memilih *jumlat basīṭat* dan *jumlat murakkabat* sebagai ayat setara dengan ayat tunggal dan majmuk dalam bahasa Melayu berdasarkan persamaan ciri-ciri antara ayat-ayat tersebut. Ia juga bagi mempermudah pelajar memahami maksud keduanya dalam menjawab soal selidik berkaitan dengan dua bentuk ayat tersebut).

- iii) Dari sudut kemungkinan penuturnya bercakap benar atau sebaliknya ia dibahagikan kepada dua iaitu *jumlat insyā'īyyat* (جُمْلَةُ إِشْيَائِيَّةٍ) dan *jumlat khabariyyat* (جُمْلَةُ خَبَرِيَّةٍ). Perbincangan ayat katogeri ini menjadi perbahasan utama ilmu Ma'ānī iaitu salah satu cabang ilmu retorik Bahasa Arab.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya akan membincangkan bahagian (i), (ii) dan sedikit ayat dalam bahagian (iii) yang mengenai ragam ayat sahaja. Perbahasan yang mendalam dalam topik ini boleh dirujuk pada buku-buku berkaitan Balaghah Bahasa Arab. Ini

adalah bersesuaian dengan tahap responden kajian yang terdiri dari pelajar tingkatan dua. Pada tahap ini, mereka belum didedahkan lagi dengan retorik (Ilmu Balaghah) Bahasa Arab.

### 2.3 Kedudukan Ayat Dalam Buku-buku Tata Bahasa Arab

Kebanyakan ahli-ahli bahasa Arab terdahulu seperti Ibn Ya'isy ( ابنُ يَعِيشُ ), Ibn Mālik, Ibn 'Āqil, kecuali Ibn Hisyām dan Zamakhsariy dan sebahagian besar sarjana mutakhir seperti Muhammad Antāki, 'Abduh a-Rājihiy, Mahmūd Ḥusni Maghālīsh membahagikan ayat kepada dua jenis utama iaitu *jumlat Ismīyyat* dan *jumlat Fi'liyyat* dan kedua-duanya dikenali dengan *jumlat mufīdat* ( جُمْلَةٌ مُفِيدَةٌ ). Ini jelas kedapatan dalam hasil karya mereka. Mereka telah membahaskan dengan terperinci setiap bahagian penting atau rukun-rukun dalam kedua-dua ayat tersebut. Antara perbahasan yang dibincangkan oleh ahli-ahli Bahasa Arab mengenai *jumlat mufīdat* ialah:

- i) Rukun-rukun setiap jumlah seperti ( الفِعْلُ، الفَاعِلُ، المَبْتَدَأُ، الخَبَرُ، وَنَائِبُ الفَاعِلِ ).
- ii) Pelengkap ayat seperti partikel ( الأَدْوَاتُ ) dan *al-Fuḍlat* ( الفُضْلَةُ ) seperti sifat *mawsūf* ( الصِّفَةُ وَالْمَوْصُوفُ ), *maf'ūlāt* ( المَفْعُولَاتُ ), *hāl* ( الحَالُ ) dan sebagainya.
- iii) Persamaan antara *mubtada'* ( مُبْتَدَأٌ ) dan *khavar* ( خَبَرٌ ) dari segi bilangan dan jantina.
- iv) Mendepankan atau membelakangkan *mubtada'* secara wajib atau harus.
- v) Tanda-tanda *i'rāb* setiap leksikal bersesuaian dengan kedudukannya dalam ayat atau hasil dari kesan-kesan *'āmil* ( عَامِلٌ ) ke atasnya.

vi) 'Āmil ( عَامِلٌ ) dan fungsinya pada perubahan baris serta huruf pada perkataan yang membentuk ayat.

Seperkara yang menarik perhatian pengkaji ialah ahli bahasa Arab terdahulu tidak memberikan tumpuan perbahasan mereka kepada *jumlat murakkabat*. Tumpuan perbahasan mereka dalam ilmu nahu ialah *jumlat basi'at* dan ianya dibahaskan dengan terperinci. Kebanyakan keterangan mengenai ayat bermula dengan membentangkan kaedah dan contoh ayat tersebut. Rukun-rukun ayat diperjelaskan secara terperinci dan seterusnya diikuti dengan perbincangan mengenai bahagian-bahagian yang melengkap rukun asas ayat daripada partikel, *maf'ul*, *hāl* dan sebagainya. Mereka seolah-olah mengabaikan *jumlat murakkabat* dalam perbahasan mereka. Bukti yang nyata ialah tiada perbahasan khusus mengenai kata hubung yang berperanan menggabungkan lebih dari dua ayat dalam buku-buku mereka.

Walau pun tidak dinafikan terdapat kata hubung dan *jumlat murakkabat* dalam penulisan mereka tetapi ianya lebih kepada pembentangan kaedah yang bertujuan menjelaskan fungsi dari sudut tatabahasa atau *'āmil* ( عَامِلٌ ) kata hubung tersebut dan kesannya pada leksikal selepasnya serta hukum-hukum atau kaedah-kaedah yang berkaitan dengannya. Perbahasan mengenainya tidak menyentuh langsung fungsi kata hubung tersebut dalam menggabungkan dua ayat menjadi ayat majmuk. Alangkah baiknya jika kedua-dua fungsi kata hubung (fungsi dari segi tatabahasa dan fungsi dalam menggabungkan ayat) dibahaskan setara kerana ianya amat bernilai khasnya pada penutur kedua untuk mempelajari bahasa Arab.

Untuk melihat dengan lebih jelas lagi penulis mengambil contoh partikel *lākinna* (لَكِنَّ).

Dalam kaedah sintaksis Bahasa Arab ia adalah sebahagian dari partikel nasakh seperti partikel (إِنْ) yang ditakrifkan seperti berikut iaitu:

"إِنْ وَأَخْوَاتِهَا : هِيَ حُرُوفٌ تَدْخُلُ عَلَى الْجُمْلَةِ الْإِسْمِيَّةِ ، فَتَنْصَبُ الْأِسْمَ وَيُسَمَّى اسْمُهَا وَتَرْفَعُ الْخَبَرَ وَيُسَمَّى خَبَرَهَا."

Maksudnya: Partikel إِنَّ dan rakan-rakannya termasuk (لَكِنَّ) masuk ke atas *jumlat*

*ismīyyat* , lalu ia menasabkan kata nama (*mubtada'*) dan ianya di namakan sebagaimana kata namanya *inna* (اسمِ إِنَّ) dan merufu'kan khabar lalu dinamakannya khabar *inna*

(خَبَرِ إِنَّ). ('Abduh al-Rājihīy, 1985:142)

Daripada takrif di atas fungsi *lākinna* adalah seperti berikut:

- Memadamkan (menasahkan) hukum lama dan mendatangkan hukum baru bagi *mubtada'* dan *khabar* selepasnya.
- Mubtada'* akan dikenali sebagai *kata nama lākinna* dan khabar akan dikenali sebagai *khabar lākinna*.
- Hukum baru ialah kata nama yang asalnya *marfū'* bertukar menjadi *mansūb* (مَنْصُوب) dan khabarnya kekal *marfū'* (مَرْفُوع) tetapi dikenali *dengan khabar lākinna*.

Contohnya ayat berikut : الطُّفْلُ فَقِيرٌ لَكِنَّهُ مُؤَدَّبٌ

(ertinya : Budak itu miskin tetapi berakhlak mulia )

Kalau kita meneliti topik ini, apa yang dititikberatkan ialah fungsi *lākinna* sebagai partikel *nasakh* dalam ayat. Pertukaran muftada' dan khabar kepada hukum baru, perubahan i'rāb pada baris perkataan atau huruf dalamnya dan segala yang berkaitan dengan kaedah tatabahasa mengenainya akan diperjelaskan dengan terperinci. Walau pun ayat di atas pada hakikatnya adalah gabungan dari dua ayat iaitu:

Ayat 1 :      الطُّفْلُ فَتَيِّرُ      ( ertinya : Budak itu miskin )

Ayat 2 :      الطُّفْلُ مُؤَدَّبٌ      ( ertinya : Budak itu berakhlak mulia )

Kedua-dua ayat di atas digabungkan dengan menggunakan kata hubung *lākinna*. Namun begitu peranan *lākinna* sebagai alat menggabungkan dua ayat tidak disentuh sewajarnya dalam perbincangan mereka.

Hal ini juga berlaku kepada partikel lain seperti partikel *illa* (إِلَّا) dalam topik *istithnā'*

(الإِسْتِثْنَاءُ). *Al-Istithnā'* menurut kaedah tatabahasa Bahasa Arab adalah seperti berikut ;

الاستثناء: " هُوَ إِخْرَاجُ مَا بَعْدَ "إِلَّا" أَوْ إِحْدَى أَخْوَاتِهَا مِنْ أَدَوَاتِ الإِسْتِثْنَاءِ مِنْ حُكْمِ مَا قَبْلَهُ ."

Maksudnya: *Istithnā'* ialah mengeluarkan apa yang selepas partikel *illa* atau salah satu dari kawan-kawannya dikalangan partikel *istithnā'* daripada hukum apa yang sebelumnya. (Jami' al-Durūs al-'Arābīyya, 1978 : 3 : 127 ).

Ahli bahasa dalam membahaskan bab ini lebih menumpukan kepada aspek tatabahasa seperti fungsi *illa*, hubungan antara leksikel sebelum dan selepas *illa*, adakah ayat sebelum *illa* itu sempurna rukunnya atau tidak dan hukum-hukum berkaitan dengan keadaan tersebut serta kesan i'rāb pada leksikel selepasnya.

Jika diteliti *istithnā'* adalah salah satu cara menggabungkan ayat dalam bahasa Arab.

Contohnya ialah ayat berikut: *لَمْ يَأْكُلِ الطُّلَابُ الطَّعَامَ فِي الْفَصْلِ إِلَّا مُحَمَّدًا*. Ayat ini adalah

gabungan dua ayat berikut iaitu:

Ayat 1: *الطُّلَابُ لَمْ يَأْكُلُوا الطَّعَامَ فِي الْفَصْلِ*

(ertinya : Pelajar-pelajar tidak makan makanan di dalam kelas )

Ayat 2: *مُحَمَّدٌ يَأْكُلُ الطَّعَامَ فِي الْفَصْلِ*

(ertinya : Muhammad makan makanan di dalam kelas )

Gabungan antara dua ayat di atas dengan menggunakan partikel *illa* dapat menjadikan ayat tersebut lebih padat dan menarik. Selain *illa* , banyak lagi partikel yang berfungsi sepertinya seperti *ghaira* ( غَيْرَ ), *lā siyyamā* ( لَاسِيَّامًا ), *siwā* ( سِوَى ) (kesemua mempunyai erti : kecuali ) dan sebagainya. Namun dalam membahaskan bab ini, ahli-ahli bahasa lebih menumpukan kepada fungsi tatabahasa dan *i'rābnya* sahaja tanpa menyentuh peranannya dalam menggabungkan dua ayat menjadi satu. Selain dari itu, buku-buku terdahulu kebanyakannya sarat dengan kaedah-kaedah yang kadang-kadang ditulis dalam bentuk syair tanpa latihan-latihan yang berbentuk praktikel.

Pada hemat penulis, apa yang telah dilakukan oleh ahli-ahli bahasa terdahulu amat besar, tidak ternilai sumbangannya dan selama-lamanya tidak akan mampu ditandingi oleh generasi selepasnya. Apa yang ditulis oleh ahli-ahli bahasa Arab terdahulu adalah untuk penutur asli bahasa Arab dan ianya bertujuan untuk membentuk kaedah tatabahasa yang memelihara bahasa Arab dari tercemar.



## 2.4 Ayat dalam Buku-buku Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Kebanyakan sarjana Bahasa Arab membahaskan ayat dan kepentingannya dalam pengajaran kemahiran menulis dan *ta'bir* ( التَّعْبِيرُ ) samaada syafawīy (lisan) atau tahrīrīy (penulisan). 'Abdul 'Ālim Ibrāhim (1961:155) dan Samih Abu Maghli (1986 : 54) dalam tulisan mereka telah menitikberatkan aspek latihan ayat kepada pelajar dalam menguasai kemahiran *ta'bir kitābīy* (kemahiran mengarang) untuk pelajar Arab atau yang belajar di sekolah Arab).

Muhammad al-Khawlīy (1982 : 129) telah meletakkan kemahiran menulis ayat sebahagian dari prinsip *at-Tadarruj* ( التَّدْرُج ) dalam pengajaran kemahiran menulis untuk bahasa pertama atau pun bahasa kedua. Prinsip *Tadarruj* menurut beliau ialah pengajaran berdasarkan perancangan rapi dengan dimulai dengan yang mudah dan sedikit demi sedikit kepada yang sukar dan diikuti dengan yang lebih sukar. Berdasarkan prinsip *tadarruj* tersebut, kemahiran menulis dimulai dengan menulis huruf, kemudian dengan perkataan, diikuti dengan ayat dan akhir sekali perenggan.

Dalam membincangkan karangan berpandu, beliau telah menyarankan beberapa cara pengajaran dan pembelajaran membentuk ayat seperti membentuk ayat atau perenggan yang hampir sama, menyusun ayat, mengubah ayat, menyambung ayat, melengkapkan ayat dan sebagainya. Ayat juga menurutnya berperanan dalam membina kesatuan fikrah atau idea dan kekuatan sesuatu perenggan. Kesatuan fikrah atau idea akan kelihatan apabila ayat-ayat dalam perenggan hanya berkisar mengenai satu isi utama dan kekuatannya terserlah dengan adanya kaitan antara ayat-ayat melalui pengikat-pengikat bahasa seperti :

وَالسَّبَبُ فِي ذَلِكَ ، يُضَافُ إِلَى هَذَا أَنَّ ... ، بِرَعْمٍ مِنْ ذَلِكَ ، وَالتَّيْجَةُ هِيَ ... ، وَهَكَذَا )

( نَرَى ... )

(ertinya : Di samping itu... , Perkara itu berpunca ... Begitulah pendapat kami..., Kesannya ialah..., meskipun demikian... ).

Muhammad Salāhudin Ali Mujāwir (1983: 545) telah meletakkan ayat sebagai asas penting dalam pengajaran bahasa samaada pada peringkat permulaan pengajaran bahasa atau pun pada mana-mana peringkat pembelajarannya. Ini adalah kerana ayat merupakan lambang kepada kesatuan idea dan ianya mesti menjadi asas penggunaan bahasa di kalangan kanak-kanak. Guru perlu membentangkan bentuk-bentuk ayat dengan tujuan membina kebiasaan berbahasa di kalangan kanak-kanak. Pelajar sepatutnya mempunyai kebiasaan menyusun ayat lengkap dalam menggambarkan sesuatu idea.

Dalam membincangkan pengajaran *ta'bir tahrīrīy* ( التَّعْبِيرُ التَّحْرِيرِيُّ ) beliau telah

menjelaskan kepentingan memberi tumpuan kepada ayat pada perkara-perkara berikut:

- i) Susunan ayat.
- ii) Ayat ini mempunyai maksud.
- iii) Pelajar sewajarnya tidak memadam daripada ayat apa yang memberi makna.
- iv) Teliti dalam menggunakan kata hubung.
- v) Menitikberatkan susunan ayat dalam perenggan.
- vi) Kepelbagaian dalam sistem perkataan.
- vii) Menitikberatkan sistem dalam ayat dan perenggan.

Hasan Syahātah (1992: 248 ) dalam topik *ta'bir kitābiy* telah menjadikan beberapa kemahiran yang berkaitan dengan ayat sebagai sebahagian dari kemahiran asas dalam ta'bir yang perlu dilatih. Kemahiran-kemahiran asas itu ialah:

- i) Kemahiran menyusun ayat dengan menggunakan huruf 'ataf ( حَرْفُ عَطْفٍ ) dan kata hubung yang sesuai.
  
- ii) Kemahiran melengkapkan rukun-rukun ayat. Ianya dapat disempurnakan dengan cara berikut:
  - a) Membiasakan pelajar membaca dan menulis ayat demi ayat.
  - b) Pelajar menjawab soalan dengan menggunakan ayat yang sempurna.
  - c) Melengkapkan ayat-ayat yang tidak sempurna dengan menggunakan leksikel-leksikel yang disediakan di atas jumlah tersebut.
  - d) Menggunakan latihan membentuk ayat secara memadankan antara dua bahagian yang terpisah.
  
- iii) Latihan menguasai kata hubung, Ianya dapat dilakukan dengan cara-cara berikut:
  - a) Menyediakan senarai kata hubung dan menggunakannya dalam menggabung ayat.
  - b) Menggunakan ujian atau latihan memilih kata hubung untuk menggabungkan dua ayat atau lebih.
  - c) Memberikan contoh lengkap penggunaan kata hubung dan pengetahuan mengenai maksud-maksudnya.

Walau pun tumpuan perbincangan kepada pengajaran ta'bir secara lisan atau penulisan, pengkaji-pengkaji di atas tetap memberi perhatian kepada penguasaan ayat dan kaedah-

kaedah pengajaran mengenainya. Ini membuktikan kepada kita bahawa ayat adalah asas dan alat penting kepada ta'bir. Tanpa ayat sempurna kemahiran ta'bir tidak akan mampu dibentuk dan sudah pastilah komunikasi yang hendak dibina akan gagal dan mesej yang ingin disampaikan akan terjejas.

## 2.5 Ayat Dalam Kajian-kajian Penyelidikan Bahasa Arab.

'Abdul Rahman, Farah Muhammad (1997) telah melakukan kajian mengenai *jumlat Basīṭat* ( جُمْلَةٌ بَسِيْطَةٌ ) dan pengajarannya kepada penutur bahasa lain. Dalam kajian tersebut beliau telah membincangkan perkara-perkara berikut:

- i) Takrif ayat.
- ii) Jenis jumlat Basīṭat (jumlat Ismīyyat dan Fi'liyyat), rukun-rukun dan bentuk-bentuknya secara terperinci.
- iii) Cara-cara mengayakannya (mengembangkannya) dengan partikel seperti كَان ,  
لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ , إِنَّ
- iv) Cara pengajaran
- v) Perbezaan asas antara jumlat ismīyyat dengan jumlat fi'liyyat.
- vi) Pengajaran mengikut kaedah at-tarkībīyyat at-tahlīlīyyat.
- vii) Contoh-contoh latihan membentuk ayat kepada bukan penutur.

Kajian tersebut adalah bercorak kajian perpustakaan yang tidak melihat secara langsung apa sebenarnya yang berlaku dalam bilik darjah. Tiada data yang menunjukkan ianya dikumpulkan daripada proses pengajaran dan pembelajaran secara langsung dari bilik darjah, di mana pengkaji menghabiskan beberapa hari di sekolah-sekolah melihat

dengan lebih dekat apa yang berlaku. Walau pun begitu, kajian ini amat berfaedah untuk menambahkan lagi maklumat ilmiah yang tinggi nilainya kepada penulis sendiri.

Abdul Halim bin Ibrahim (1997) telah melakukan kajian mengenai jenis-jenis ayat penyata dari segi retorik Bahasa Arab. Lebih tepat lagi ianya merupakan kajian dalam ilmu *ma'āni* iaitu salah satu cabang ilmu retorik Bahasa Arab. Ayat penyata adalah ayat yang boleh diandaikan penuturnya bercakap benar atau berdusta ketika menggunakannya. Secara ringkas, kajian ini lebih kepada perbincangan mengenai ayat penyata, perbezaannya dengan ayat bukan penyata, bagaimana cara pembentukannya, tujuan-tujuan disampaikan dan reaksi penerimanya. Selain dari berbentuk kajian perpustakaan, ianya juga merupakan analisis dan penyelidikan buku-buku yang ditulis dalam Bahasa Arab oleh tokoh penulisan Arab dan Melayu.

Abdul Rahman bin Abd.Rashid (1998) telah menjalankan kajian mengenai pendepanan subjek dan prediket dalam pembentukan *jumlat ismīyyat* di dalam bahasa Arab. Kajian ini merupakan kajian sintaksis iaitu mengenai struktur *jumlat ismīyyat* yang terdiri dari subjek dan predikat. Antara objektif utama kajian ialah menentukan kedudukan subjek atau predikat di awal struktur ayat serta cara-cara membentuk *jumlat ismīyyat*. Lebih jelas lagi kajian ini adalah untuk membincangkan topik mendahulukan *mubtada'* (subjek) atau mendahulukan *khbar* (prediket) dalam *jumlat ismīyyat* secara harus atau wajib. Kajian perpustakaan ini memberikan maklumat penting mengenai sebahagian dari struktur *jumlat ismīyyat* terutamanya mengenai kaedah pendepanan subjek atau predikat dalam *jumlat ismīyyat*.

Zulkifli Junoh (2000) telah melakukan kajian mengenai *jumlat ismīyyat* dan *fi'liyyat* dan tahap penguasaan pelajar terhadap keduanya. Kajian telah dilakukan ke atas 200 pelajar

tingkatan 4 dan 5 dan guru-guru yang terlibat dalam pengajaran pelajar terbabit di empat buah sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Kelantan. Data dikumpulkan dengan menggunakan satu instrumen kajian sahaja iaitu soal selidik. Penumpuan kajian adalah kepada penguasaan pelajar terhadap bahagian-bahagian yang membentuk ayat Bahasa Arab. Bahagian-bahagian ini dilabelkan dengan menggunakan istilah-istilah tata bahasa seperti *حَال*, *كَانَ وَأَخْوَاتُهَا*, *خَيْرٌ*, *مُبْتَدَأٌ*, *مَفْعُولٌ بِهِ*, *فَاعِلٌ* dan sebagainya.

Kesimpulan kajian menunjukkan pelajar masih lemah dalam menguasai *jumlat ismiyyat* dan *jumlat fi'liyyat* dari sudut sintaksis dan rata-rata pelajar berada pada tahap sederhana.

Terdapat juga kajian mengenai ayat dalam bidang analisis kesilapan antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Che' Radiah Mezah (1995). Kajian beliau adalah mengenai kesilapan bahasa yang dilakukan pelajar dalam karangan bertulis. Kajian ini dilakukan ke atas 120 pelajar tingkatan enam Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) iaitu salah sebuah sekolah menengah kebangsaan agama berasrama penuh. Instrumen kajian beliau ialah ujian karangan bertulis, soal selidik untuk guru dan pelajar, pemerhatian dan temu bual dengan pelajar. Aspek kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah tatabahasa, ortografi, kekeliruan dalam menggunakan huruf, memasukkan huruf tidak perlu, kesalahan membuang huruf yang perlu ada dan kesalahan membuang partikel yang perlu.

Kajian ini menumpukan kepada kesilapan-kesilapan bahasa yang dilakukan pelajar dalam penulisan karangan. Kajian terhadap penulisan karangan adalah lebih rumit dari kajian ke atas ayat kerana ia melibatkan isi atau idea yang ingin disampaikan, perenggan yang mengandungi banyak ayat, kaitan antara ayat-ayat dalamnya dan kaitan antara perenggan yang membentuk karangan. Walau pun aspek kesilapan menyentuh ayat

A511140759

secara langsung, namun tiada kupasan mendalam mengenai struktur ayat bahasa Arab, bagaimana cara pembentukannya dan kaedah pengajaran dan pembelajaran ke atasnya. Tiada penumpuan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran ayat Bahasa Arab dalam pengumpulan data. Ianya hanya disentuh secara umum di dalam bahagian cadangan dan rumusan sahaja.

Abdul Ghani Md.Hasan (1999) telah menjalankan kajian mengenai kesilapan membina ayat-ayat asas bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah agama di daerah Besut, Terangganu. Kajian ini dilakukan ke atas 200 pelajar tingkatan 4 dan 5, 10 guru dan 4 pentadbir sekolah. Instrumen kajian terdiri dari ujian bertulis, soal selidik dan temu bual dengan guru dan pelajar.

Pelajar-pelajar dalam kajian ini telah pun terdedah dengan pengajaran tatabahasa Arab secara sistematik dengan pengenalan kepada istilah-istilah tata bahasa, tanda-tanda bacaan berkaitan dengan kedudukan perkataan dalam ayat dan sebagainya. Ini adalah selaras dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tinggi tingkatan 4 dan 5 yang memberikan tumpuan kepada tatabahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam kajian juga menunjukkan unsur-unsur tatabahasa yang telah dipelajari oleh pelajar seperti pembentukan ayat, memilih jawapan yang betul, memperbetulkan kesilapan dalam ayat dan meletakkan baris ke atas perkataan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar banyak melakukan kesilapan-kesilapan dalam menulis ayat asas bahasa Arab.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang telah dijalankan tersebut menunjukkan bahawa pelajar banyak melakukan kesilapan dalam membina ayat bahasa Arab. Kelemahan ini terus dilakukan pelajar walaupun mereka telah mempelajari sintaksis bahasa Arab

secara formal. Pengajaran tatabahasa pada tahap ini dilakukan dengan sistematik, dengan memperkenalkan contoh ayat serta penerangan mengenai kaedah-kaedah, penggunaan istilah-istilah tatabahasa, penyzoalan di dalam latihan-latihan secara langsung menyentuh kaedah tatabahasa dengan menggunakan istilah-istilah tatabahasa yang dipelajari. Kesilapan yang berterusan walaupun setelah melalui proses pembelajaran kaedah nahu membuktikan bahawa penggunaan kaedah nahu dalam pengajaran dan pembelajaran bukanlah jaminan bagi pelajar menguasai Bahasa Arab dengan baik. Namun tiada rumusan yang tepat daripada kajian-kajian tersebut yang menyatakan punca kelemahan ini samaada disebabkan oleh faktor kaedah pengajaran, kaedah pembelajaran, guru, sukatan pelajaran dan sebagainya.

Pada pendapat penulis jawapan yang sebenarnya adalah kompleks, ia melibatkan semua yang terbabit dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Jawapan ini tidak boleh dibuat hanya berdasarkan andaian semata-mata atau dengan persepsi luaran semata-mata, sebaliknya ia sepatutnya berdasarkan pengetahuan dan fakta yang mendalam melalui proses penyelidikan lapangan mengenai proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di mana setiap pendapat dikemukakan berdasarkan bukti penyelidikan. Kajian dan penyelidikan pastinya akan menyampaikan kita kepada punca masalah dan melaluinya jugalah penyelesaian konkrit dapat ditemui. Persoalannya adakah kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penggubalan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab di Malaysia digubal berdasarkan kepada penyelidikan dan kajian?

## **2.6 Kedudukan Kajian Kemahiran Menulis Di kalangan Pelajar Melayu**

Kebanyakan kajian terdahulu mengenai ayat memfokuskan kepada aspek-aspek tata bahasa, retorik, pengajaran dan analisa kesilapan. Terlalu sedikit kajian yang



memberikan tumpuan kepada pembelajaran ayat bahasa Arab. Hampir keseluruhan responden kajian dalam kajian-kajian terdahulu mengenai ayat bahasa Arab adalah terdiri dari pelajar menengah atas, di mana mereka telah mengikuti pengajaran tatabahasa dan retorik secara tersusun.

Meskipun kajian ini membincangkan perkara yang sama dengan kajian-kajian terdahulu iaitu mengenai ayat bahasa Arab, namun batasan kajiannya menunjukkan beberapa perbezaan yang ketara. Perbezaan-perbezaan itu dapat dilihat pada butiran berikut:

- i) Respondan kajian adalah dari pelajar Melayu tingkatan dua iaitu di peringkat menengah rendah. Respondan kajian terdahulu berbeza pada segi tahap, di mana kebanyakan mereka adalah pelajar menengah atas tingkatan 4 dan 5.
- ii) Fokus kajian adalah dalam bidang pembelajaran dan memberi tumpuan kepada pembelajaran kemahiran menulis ayat bahasa Arab. Sementara kajian terdahulu memberikan fokus kepada aspek tatabahasa, pengajaran, retorik dan analisa kesilapan. Perbezaan bidang semestinya mempengaruhi reka bentuk kajian, instrumen, dapatan dan seterusnya menghasilkan keputusan kajian yang berbeza.
- iii) Tahap pembelajaran responden yang terbatas kepada kandungan sukatan pelajaran Bahasa Arab tingkatan satu dan dua berbanding dengan responden kajian terdahulu yang telah melalui tahap yang lebih tinggi. Justeru itu, soalan ujian bertulis adalah berdasarkan kepada sukatan tersebut dan tidak melampaui apa yang tidak dipelajari seperti soalan yang berkaitan kaedah-kaedah tatabahasa.

- iv) Kaedah pembelajaran yang dilalui oleh responden kajian juga berbeza dengan responden kajian-kajian terdahulu. Respondan kajian ini mempelajari Bahasa Arab Komunikasi secara penggunaan (tawzīfī), sementara responden kajian terdahulu disamping telah melalui kaedah tawzīfī mereka juga mempelajari tata bahasa, retorik, hikam dan teks sastera Arab yang pastinya memerlukan kaedah berbeza dalam pengajaran. Selain dari itu, buku rujukan dan sukatan pelajaran antara dua tahap ini juga berbeza

Kaedah pengajaran ayat adalah berbeza pada kedua-dua tahap ini. Pada tahap menengah rendah ayat diajar secara gunaan dalam aktiviti harian. Sementara pada tahap menengah atas ayat diajar melalui kaedah pengajaran tatabahasa tersusun yang melibatkan penggunaan istilah-istilah tatabahasa dan penerangan mendalam tentang kaedah-kaedah dan fungsi tatabahasa dalam pembentukan ayat yang tidak ada pada tahap menengah rendah. Justeru itu sudah pastilah dapatan antara dua tahap ini berbeza dan memerlukan kepada kajian dan penyelidikan yang sesuai dengannya.

- v) Masa dan tempat kajian adalah berbeza di mana pelajar dalam kajian ini adalah dari Sekolah Aliran Agama berbanding dengan kajian terdahulu yang menjadikan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama sebagai responden kajian. Sudah pasti terdapat perbezaan dalam pelbagai sudut terutamanya dari segi kedudukan Bahasa Arab dalam sekolah terbabit, pelajar, tenaga pengajar, suasana persekitaran dan sebagainya yang perlu diambil kira dalam melihat keseluruhan kajian.

Berdasarkan perbezaan-perbezaan inilah, kajian ini dirasakan penting kerana ianya boleh memberikan sumbangan ke arah penemuan-penemuan baru sama ada berbentuk masalah, faedah, pencapaian, keperluan atau bentuk penyelesaian yang boleh dimanfaatkan dalam usaha mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, serta pengurusan bahasa Arab di semua peringkat.

## **2.7 Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah-sekolah Malaysia**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu sebelum pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan selepasnya. Pada dua peringkat ini Kurikulum Bahasa Arab telah melalui beberapa perubahan untuk menyesuaikan dengan kehendak dan matlamat sukatan pelajaran yang telah digubal pada tahap tersebut.

### **2.7.1 Sebelum Pelaksanaan KBSM**

Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah berteraskan kaedah Nahu dan terjemahan. Buku rujukan utama tatabahasa bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama ialah buku an-Nahw al-Wāḍih ( النَّحْوُ الْوَاضِحُ ) karangan ‘Ali Jārim dan Mustafā Amin. Terdapat juga buku tatabahasa lain seperti “Silsilat Qawā’id al-‘Arābiyyat” yang dikeluarkan oleh Majlis Hal Ehwal Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tetapi kesemua mempunyai pendekatan yang serupa dengan buku an-Nahw al-Wāḍih tersebut.

Buku al-Nahw al-Wāḍih ini ditulis pada tahun 1950 Masihi untuk digunakan di sekolah-sekolah di Mesir. (Majalah al-Dirāsāt al-‘Arābiyyat, 1996: 13). Di dalam buku

ini, kaedah penerangan mengenai ayat adalah sama dengan apa yang terdapat dalam buku-buku ahli bahasa terdahulu. Ianya dimulakan dengan topik asas dan diikuti dengan rukun-rukun dan seterusnya pelengkap-pelengkap ayat. Terdapat beberapa perbezaan buku ini dengan kitab-kitab terdahulu, antaranya ialah:

- i) Ianya lebih ringkas dan mudah
- ii) Susunan topiknya lebih jelas dan disertai dengan contoh ayat yang lebih sesuai dengan tahap sekolah menengah. Penggunaan syair sebagai contoh ayat juga amat sedikit.
- iii) Latihan-latihan untuk setiap topik yang pelbagai dan menumpukan kepada menilai sejauh mana kefahaman pelajar terhadap topik yang dipelajari.

Apa yang menarik perhatian pengkaji ialah ayat-ayat yang dijadikan contoh dalam pengajaran topik-topik nahu Bahasa Arab adalah ayat-ayat pendek dan hanya merangkumi topik nahu yang diajar sahaja. Setiap topik akan diberi keterangan berdasarkan contoh-contoh ayat tersebut, kemudian diikuti dengan penerangan ringkas kaedah-kaedah tatabahasa yang berkaitan dan seterusnya latihan-latihan yang memfokuskan kepada penguasaan topik tersebut. Ayat-ayat pendek sememangnya baik kerana ia mempermudah pelajar untuk memahami dan menguasai konsep-konsep tatabahasa yang diperbincangkan dalam setiap tajuk.

Penulis juga mendapati tidak ada satu topik pun yang mengkhususkan kepada pembentukan ayat-ayat majmuk (jumlah murakkabat) dalam buku-buku tatabahasa yang menjadi rujukan pelajar dan guru. Kata hubung yang merupakan elemen penting dalam menggabungkan jumlah basit menjadi jumlah murakkabat tidak diberikan tumpuan khusus. Kalau ada pun, ianya lebih tertumpu kepada menerangkan fungsinya dalam

perubahan hukum dan i'rāb pada leksikel selepasnya. Ia disampaikan kepada pelajar sebagaimana ianya diwarisi dari buku-buku tatabahasa terdahulu. Ianya sememangnya sesuai untuk orang Arab dan kemungkinan tidak sesuai atau kurang sesuai digunakan seratus peratus kepada pelajar Melayu kerana ianya lebih bercorak teori untuk dihafal dari aplikasi harian.

Berdasarkan pengalaman penulis ketika di bangku persekolahan, terdapat pemisahan antara pengajaran tatabahasa dengan aspek mata pelajaran Bahasa Arab yang lain seperti aspek mutāla'ah ( الْمُطَالَعَةُ ) dan mahfūzāt ( الْمَحْفُوظَاتُ ). Terdapat pengasingan total dari segi matlamat, sesi pengajaran dan topik-topik di antara elemen-elemen mata pelajaran Bahasa Arab ini.

Matlamat utama mempelajari dua mata pelajaran tersebut ialah menguasai kemahiran membaca, menghafaz, menguasai leksikel dan kegunaannya dalam ayat, menghafaz petikan ayat, hadis, syair dan sebagainya serta kemahiran memahami kandungan teks yang dibaca. Biasanya guru dalam mengajar dua aspek tersebut akan memulakan pengajaran dengan membaca teks, diikuti dengan menterjemahkan perkataan yang tidak difahami kepada pelajar kemudian disusuli dengan latihan menjawab soalan-soalan kefahaman mengenainya tanpa mengaitkan ayat-ayat yang terdapat dalam teks dengan topik-topik nahu yang telah dipelajari. Ayat-ayat di dalam dua mata pelajaran tersebut kebanyakan ayat majmuk yang sudah pastinya ayat panjang. Sekiranya terdapat gabungjalın antara pengajaran tatabahasa dan dua mata pelajaran tersebut, pelajar akan mendapat banyak faedah dalam menguasai pelbagai bentuk dan ragam ayat terutamanya ayat-ayat majmuk (jumlah murakkabat).

Penulis berpendapat, inilah sebahagian punca pelajar gagal membentuk ayat-ayat panjang dan ayat-ayat majmuk. Mereka mahir membentuk *jumlah basīṭat* kerana mereka sering dilatih membentuknya dalam pengajaran tatabahasa. Sebaliknya mereka lemah dan kurang berupaya membentuk dan menulis ayat majmuk dengan baik kerana mereka tidak didedahkan dan kurang dilatih mengenali dan membentuknya secara praktikal.

Latihan-latihan yang terdapat dalam setiap topik tatabahasa dalam buku tersebut terikat kepada penguasaan terhadap konsep-konsep dan istilah-istilah tata bahasa yang diajar. Antara soalnya ialah:

i) Pembentukan ayat. Contoh soalnya :

كَوْنُ جَمَلَةٍ، الْمُبْتَدَأُ فِيهَا جَمْعٌ لِلذُّكُورِ وَخَبَرُهَا جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ.

Ertinya : Bentukkan satu ayat, dimana mubtadā' di dalamnya adalah jama' bagi muzakkar (lelaki) dan khabarnya adalah ayat kata kerja.

ii) Lengkapkan ayat. Contohnya:

أَخْبِرْ عَنِ الْمُبْتَدَأِ الْآيَةِ بِظُرُوفٍ مُنَاسِبَةٍ : ( التَّلْحُجُّ \_\_\_\_\_ ) .

Ertinya: Lengkapkan khabar kepada mubtada' berikut dengan partikel zarf yang bersesuaian.

iii) I'rābkan ayat.

اعْرَبِ الْجُمْلَةَ الْآيَةَ اعْرَابًا وَأَوْفِيَا: (ا- الْبَيْتُ كَبِيرٌ.

Ertinya : I'rābkan ayat-ayat berikut dengan sempurna.

- iv) Tukarkan perkataan (biasanya rukun jumlat ismiyyat atau fi'liyyat) yang menyebabkan perubahan pada perkataan lain dalam ayat. Contohnya:

حَوْلَ الْمَبْتَدَأِ فِي الْعِبَارَاتِ الْآيَةِ إِلَى مُنْتَهَى مَذَكَّرٍ . - الْمُسْلِمُ يُصَلِّي فِي الْمَسْجِدِ .

Ertinya: tukar *mubtada* ' dalam ayat berikut kepada muthanna (dua) muzakkar .

Pelajar yang sudah biasa dengan membuat ayat pendek dan mungkin dapat menguasainya dengan baik akan mengalami masalah apabila ingin membentuk satu ayat yang dapat menampung beberapa idea mengenai sesuatu perkara. Perlu diingatkan bahawa pelajar Melayu sudah pada tahap tingkatan dua ke atas sudah dapat menyusun dan mengolah isi-isi yang mereka fikirkan dalam ayat bahasa Melayu. Mereka sudah mahir membentuk dan menulis ayat-ayat tunggal dan majmuk sesuai dengan tahap mereka.

Menurut Othman Zakariah (dalam siti Ramlah Bakri,1997: 40) murid-murid darjah enam sudah boleh menggunakan semua pola ayat Bahasa Melayu seperti ayat dasar, ayat selapis, ayat majmuk atau ayat berkait kecuali ayat bercampur. Apabila mereka cuba membentuk ayat-ayat tersebut dalam bahasa Arab, kesukaran akan berlaku disebabkan mereka terpaksa memecahkan isi-isi ini ke dalam ayat-ayat pendek. Apatah lagi mereka kurang mahir menggunakan kata hubung yang sesuai untuk bagi membentuk jumlat murakkabat sebagaimana kebiasaan mereka menggunakannya dalam mengikat ayat-ayat bahasa Melayu.

Ketidak seimbangan antara isi yang banyak dengan struktur ayat yang pendek menjadikan mereka buntu dalam membina ayat yang dapat menghuraikan maksud yang mereka fikirkan dengan tepat. Penguasaan terhadap ayat-ayat majmuk (*jumlat*

*murakkabat* ) akan dapat membantu pelajar menyusun idea-idea mereka dalam menjelaskan sesuatu perkara dengan lebih menarik dan berkesan. Asmah Omar telah menyentuh kepentingan ayat majmuk dalam menterjemahkan pemikiran seseorang dengan mudah berbanding dengan ayat pendek. Menurutnya;

“... konsep-konsep teknikal dan filosofis lebih mudah disampaikan dalam ayat-ayat kompleks [*murakkabat*] daripada ayat-ayat sederhana yang pendek yang bukan sahaja mengganggu jalan fikiran tetapi juga menimbulkan intonansi yang tersekat-sekat”.(Asmah Omar dalam Siti Ramlah Bakri, 1997: 30).

Sesuatu yang wajar disentuh di sini ialah, selain dari mempelajari cara membuat ayat semasa pembelajaran tatabahasa pelajar juga perlu melakukannya ketika melakukan latihan menterjemah dan mengarang atau insya'. Semasa pelajaran insya', biasanya guru akan memberikan topik atau meminta pelajar mencadangkan topik tertentu. Namun sebahagian besar masa yang diperuntukkan dalam masa insya' lebih tertumpu pada perbincangan mengenai sisi-sisi penting dan pemberian erti perkataan atau istilah-istilah yang berkaitan dengan tajuk. Arif Karhi Abu Khudayriy (1994) telah menjelaskan situasi pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang menggunakan kaedah lama.

*“ ...kita dapati pengajarannya kepada mereka ( orang bukan Arab ) menggunakan kaedah lama yang dimulakan dengan memilih tajuk, kemudian perbincangan dengan pelajar mengenai isi-isi penting dan mencatatkan kannya di atas papan hitam, diikuti dengan pelajar menyusunnya dan menulis mengenainya. Seterusnya pelajar dibekalkan dengan beberapa contoh ayat dan perkataan yang mereka perlukan. Hakikatnya cara ini adalah cara yang*



*digunakan untuk mengajar menulis kepada orang Arab di negeri Arab”.*

*(Majallah al-Dirāsāt al-‘Arabīyyat, 1994: 81)*

Keadaan ini menjadikan pelajar kurang berkemampuan membentuk pelbagai bentuk dan ragam ayat bahasa Arab. Selain itu kaedah penyemakan insya’ secara bersendirian oleh guru juga merumitkan lagi keadaan pelajar. Guru sewajarnya berbincang secara terbuka dengan pelajar tentang kesilapan mereka seterusnya membuat kesimpulan bagaimana mengatasi kelemahan mereka berdasarkan jenis-jenis kesilapan yang telah dilakukan.

Pada tahun 1981, pihak Bahagian Pendidikan Islam- kini Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) telah menyediakan dua Sukatan Pelajaran Bahasa Arab, satu untuk SMKA dan satu lagi untuk Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Kandungan tersebut lebih mengutamakan penguasaan ilmu morfologi dan sintaksis untuk menyampaikan bahasa Arab. Aspek penggunaan Bahasa Arab dalam erti kata yang luas tidak diberikan tumpuan. (Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, April 1998). Pada tahap ini pengajaran dan pembelajaran masih mengikut cara tradisional yang berteraskan kaedah nahu dan terjemahan. Akibatnya pelajar secara realitinya masih melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang klasik walaupun terdapat pembaharuan dari segi sukatan dan buku teks.

## 2.7.2 Selepas KBSM

Apabila Kurikulum Baru Sekolah Menengah diperkenalkan, Sukatan Pelajaran Bahasa Arab telah digubal semula. Matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi telah diperkenalkan untuk peringkat Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia (PMR) dan Bahasa Arab Tinggi untuk peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kedua-dua mata pelajaran mempunyai sukatan pelajaran dan huraian yang berbeza.

Pada peringkat PMR tatabahasa tidak lagi boleh di ajar secara klasik iaitu dengan memperkenalkan istilah-istilah tatabahasa, rukun-rukun sesuatu topik, tanda-tanda baris akhir (i'rab) dan sebab-sebab mengenainya serta latihan-latihan yang mirip ke arah penguasaan konsep tatabahasa. "Pengajaran dan pembelajaran nahu Bahasa Arab menengah rendah hendaklah dilaksanakan secara tidak langsung dengan menyerapkannya dalam penggabungan serentak kemahiran-kemahiran berbahasa; mendengar, bertutur, membaca dan menulis"- (Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Nahu Bahasa Arab menengah rendah- Bahagian kurikulum pendidikan Islam dan Moral KPM, April 1998).

Tatabahasa diajar secara penggunaan (tawzifi) selaras dengan pendekatan komunikatif. Buku teks untuk tingkatan 1, 2 dan 3 disusun semula bersesuaian dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Bahasa Arab tidak lagi diajar secara terpisah dengan kehidupan pelajar, perkataan-perkataan baru dikemukakan dalam bentuk kumpulan yang saling berkaitan dari segi topik dan penggunaannya dengan tujuan untuk diaplikasikan dan bukannya untuk sekadar hafalan. Pelajar dilatih menggunakan tatabahasa secara gunaan tanpa analisis atau menyentuh istilah-istilah tatabahasa.

Penekanan diberi kepada 4 kemahiran asas bahasa secara seimbang dengan memberikan peluang seluas mungkin untuk pelajar berinteraksi dengan guru dan sesama pelajar dalam bahasa Arab. Hanya bahasa Arab dijadikan asas dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah secara langsung dan bahasa ibunda tidak boleh digalakkan. Untuk memudahkan pelajar, gambar-gambar digunakan untuk menerangkan tentang situasi topik-topik diajar dan disoal dalam latihan-latihan topikal yang berkaitan. ( Kayfa istikhdām Kitāb al-Lughah al-'Arābiyyat al-Ittisāliyyat- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Akhlak, Kementerian Pendidikan Malaysia)

## **2.8 Ayat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (HSPBAK) Tingkatan Dua**

Sebelum melangkah dengan lebih jauh lagi, wajar rasanya kita meneliti matlamat dan objektif pembelajaran Bahasa Arab sebagaimana yang tertera dalam HSPBAK tingkatan dua yang menjadi asas panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajarannya.

### **i) Matlamat:**

Pengajaran Bahasa Arab pada tahap ini adalah bertujuan supaya pelajar berasa bangga dengan Bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan hadis nabi, memperolehi kemahiran asas bahasa, menggunakannya dalam pelbagai situasi atau keadaan tertentu dalam bentuk yang berterusan, membantunya dan memperkukuhkannya di samping apa yang telah dipelajarinya pada tahap tingkatan satu.

ii) Objektif:

1. Mendengar kepada sebutan-sebutan dan intonansi item-item leksikal, ayat-ayat, dan ibârat-ibarat (ungkapan) serta memahaminya.
2. Bertutur dengan menggunakan perkataan, ayat, ibarat dan nombor dengan menitikberatkan sistem suara.
3. Berdailog dengan fasih pada situasi tertentu selaras dengan sistem suara.
4. Melakukan ekspresi berkaitan dengan ucapan tahniah, ta'ziah, berpidato, menyampaikan iklan dan berita.
5. Berkemampuan untuk membaca dan memahami perkataan, ayat, ibarat, panduan, keterangan dan arahan selaras dengan sistem sarf (morfologi) dan struktur bahasa.
6. Berkemampuan menulis perkataan, ayat, perenggan, keterangan, dan surat-surat selaras dengan kaedah-kaedah penulisan Bahasa Arab.

Penekanan HSPBAK kepada ayat dalam objektif di atas jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh ayat dalam membantu pelajar memperoleh dan menguasai Bahasa Arab.

Kemahiran menguasai ayat disentuh dalam empat kemahiran asas berbahasa dengan jelas. Dalam kemahiran mendengar dan bertutur pelajar adalah dikehendaki;

1. Berkemampuan mendengar ayat-ayat, ibarat-ibarat dan menuturkannya dengan sempurna serta memahaminya.
2. Berkemampuan mendengar arahan, keterangan dan panduan serta memahaminya.
3. Menggunakan ibarat dan ayat dalam ucapan.

4. Melakukan ekspresi mengenai hal-hal berkaitan dengan individu dan masyarakat.
5. Melakukan pidato ringkas.

Dalam kemahiran membaca, ayat merupakan perkara penting dalam mempraktikkannya di mana secara khususnya pelajar sewajarnya berkemampuan;

1. Membaca ayat, ibarat dan perenggan.
2. Membaca ayat-ayat al-quran dan hadis-hadis nabi.
3. Membaca panduan, keterangan dan lukisan berpandu.

Dalam penulisan pelajar mestilah berkemampuan;

1. Menulis perkataan, ayat, perenggan dan ibarat dengan betul selaras dengan kaedah imla' dan penulisan.
2. Menulis cerita pendek, surat rasmi dan tidak rasmi.
3. Menulis penerangan untuk iklan-iklan dan mengemukakannya selaras dengan situasi yang sesuai.
4. Menulis keterangan mengenai sesuatu perkara.
5. Menulis penjelasan kepada lambang-lambang dan menyelaraskannya dengan ayat-ayat yang sesuai.

Antara kaedah pembentukan ayat yang disarankan dalam HSPBAK adalah seperti berikut;

1. Menyusun perkataan yang terpisah-pisah menjadi ayat sempurna.
2. Mungubah ayat dan ianya boleh dilakukan dengan cara berikut ;

- a) Menukarkan rukun ayat dari muzakkar kepada muannath atau sebaliknya dan dari mufrad kepada muthanna dan jamak atau sebaliknya.
  - b) Menukar jumlat ismiyyat kepada jumlat fi'liyyat atau sebaliknya.
3. Melengkapkan ayat berpandukan gambar yang disediakan.
  4. Membentuk ayat berpandukan gambar.

*Jumlat ismiyyat* dan *fi'liyyat* diberikan penekanan yang sewajarnya, di mana pelajar dilatih membentuk jumlat ismiyyat dengan menggunakan pelbagai bentuk subjek (*mubtada'*) seperti isim isyarat, domir, isim mausul, kata nama, dalam bentuk muzakkar, muannas dan bilangan (mufrad, muthanna dan jamak). Sementara dalam jumlat *fi'liyyat* pelajar diperkenalkan dan dilatih membentuk pelaku (*fā'il*) menggunakan semua jenis kata kerja ( *mādiy*, *mudāri'* dan *amar*) dan dalam pelbagai ragam ayat. Antara ragam ayat yang diberikan tumpuan dalam kemahiran menulis adalah terdiri dari ayat-ayat penyata ( *khabariyyat* dan *insyā'iyyat*). Ianya seperti ayat suruh, ayat larang, ayat tanya dan ayat seru. Tidak ketinggalan juga syibh jumlah , dimana pelajar dilatih menggunakannya dalam *jumlat mufidah*.

Namun begitu SHPBAK tidak menyentuh langsung pengajaran dan pembelajaran mengenai kata hubung bahasa Arab. Ini bermakna penumpuan hanya kepada ayat secara umum khasnya ayat mudah. Walau pun jika diteliti ayat-ayat yang digunakan dalam beberapa petikan ayat dalam HSPBAK dan buku teks terdapat banyak kata hubung yang telah digunakan. Kata hubung ini sebahagiannya mesti hadir dalam penggunaan harian pelajar terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris mahu pun Bahasa Arab.

Contohnya kata hubung kerana, atau *lianna* ( لَأَنَّ ) dalam bahasa Arab dan *because* dalam Bahasa Inggeris. Contoh ayat penggunaan kata hubung kerana dalam tiga bahasa:

1. Bahasa Melayu.

Saya marah Ali kerana dia mencuri duit saya.

2. Bahasa Inggeris

I'am angry for Ali because he stole my money.

3. Bahasa Arab

عَضِبْتُ عَلَيْهِ لِأَنَّهُ سَرَقَ نَفْوَدي

Pelajar wajar didedahkan dengan kata hubung yang bersesuaian dengan tahap mereka, agar mereka lebih berkemampuan membina ayat-ayat majmuk. Penekanan terancang dan bersistematik terhadap penggunaan kata hubung sangat penting kerana ia akan meningkatkan lagi tahap penulisan terhadap ayat-ayat bahasa Arab. Lebih-lebih lagi mereka memang telah menggunakannya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

## 2.9 Penutup

Melalui bab ini penulis telah membincangkan kedudukan ayat dalam kajian ahli-ahli tatabahasa, kedudukannya dalam kajian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dikalangan sarjana Arab dan dalam kajian-kajian sarjana di pusat pengajian tinggi tempatan serta kedudukannya dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua. Penulis juga menyentuh situasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia sebelum dan selepas KBSM.

Sesuatu yang jelas dalam tinjauan kajian terdahulu mengenai ayat ialah penumpuan kajian terhadap aspek sintaksis (nahu), retorik dan analisa kesilapan. Aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab kepada pelajar Melayu sebagai bahasa asing khususnya yang berkaitan dengan ayat kurang menjadi tumpuan. Ayat-ayat tunggal pula didapati mejadi tumpuan dalam kajian terdahulu jika dibandingkan dengan ayat majmuk.